



PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD)
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Tingkat 1, Menara 2
Wisma Mustapha Kamal
Neocyber, Cyber 12
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8324 4400
Fax : 03-8318 7394
Web : <http://www.ipn.gov.my>

Rujukan Kami : JANM-IPNCPD 600-19/4/4 Jld.3 ()
Tarikh : 24 Mei 2021

**KEPADA SEMUA PEGAWAI PERKHIDMATAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM
(SELAIN LANTIKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA)**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN DALAM BADAN PROFESIONAL
PERAKAUNAN KENDALIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)
BAGI PROGRAM:**

- I. THE CHARTERED INSTITUTE OF MANAGEMENT ACCOUNTANTS (CIMA) – MIA SPECIAL PATHWAY
- II. THE ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA) – MIA SPECIAL PATHWAY
- III. THE CERTIFIED PRACTISING ACCOUNTANTS AUSTRALIA (CPA AUSTRALIA) – MIA SPECIAL PATHWAY
- IV. THE MALAYSIAN INSTITUTE OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANTS (MICPA) – MICPA – CAANZ

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, JANM melalui Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara, Cyberjaya (IPNCPD) dengan kerjasama rakan strategik badan profesional perakaunan sedang melaksanakan program pengajian dalam badan profesional seperti di atas. Sehubungan itu, Akauntan Sektor Awam yang layak dan menepati kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengikuti salah satu daripada program tersebut. Pengambilan akan dibuat bagi Sesi Januari – Jun dan Sesi Julai – Disember setiap tahun.
3. Sila rujuk Lampiran A hingga D (mengikut program) untuk maklumat syarat-syarat kelayakan, kalender program, kos dan borang-borang permohonan bagi program yang berkaitan. Kaedah pembelajaran adalah secara bersemuka bertempat di IPNCPD Cyberjaya atau secara dalam talian.

Excellent Accounting @ Your Service



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: MAS 101246

4. Bagi menjayakan inisiatif strategik yang berimpak tinggi ini, sokongan ketua Jabatan adalah diperlukan bagi membenarkan calon-calon untuk menghadiri kursus dan bengkel yang telah dirancang. Kehadiran ke kursus dan bengkel ini adalah penting untuk menyediakan calon menghadapi peperiksaan program profesional dengan yakin berjaya.

5. Calon yang berminat, dikehendaki melengkapkan borang permohonan program pengajian dalam badan profesional perakaunan yang berkaitan **selewat – lewatnya 1 Mac bagi ambilan Sesi Julai – Disember (tahun semasa) atau 1 September bagi Sesi Januari – Jun (tahun berikutnya)** dan dikemukakan ke alamat:

Pengarah
Institut Perakaunan Negara, Pusat Pembangunan Profesional
Tingkat 1 (02-01-01) Menara 2, Wisma Mustapha Kamal
Neocyber, Cyber 12,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
(u.p : Unit Pembangunan Profesional) Emel: cpd@anm.gov.my

6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung program ini, bolehlah diajukan kepada pegawai IPNCPD yang berikut:

- i. Pn. Nurul Husna Assanah (03-8324 4405, nurulhusna@anm.gov.my)
- ii. Pn. Shazlina Musa (03-83244408, shazlina.musa@anm.gov.my)

7. Semua Akauntan Sektor Awam amat digalakkan untuk menyertai program ini, bagi menyokong pembangunan kerjaya Akauntan Sektor Awam dan Kerajaan secara amnya. Segala kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. D. JOYCE CHRISTINA DHARMARAJ)
C.A. (M), CPA (Aust), CPFA (UK), ASEAN CPA, FCMA (UK), CGMA
Pusat Pembangunan Profesional
b.p Pengarah, Institut Perakaunan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k :

1. Akauntan Negara Malaysia
2. Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
3. Pengarah Institut Perakaunan Negara